

<input checked="" type="checkbox"/> Sinar Harian
<input type="checkbox"/> Sinar Ahad
Tarikh: 30/6/2010
Hari: Rabu M/S: 426
Ruangan: SEKOLAH

250 pelajar asing pilih UUM

SHAHNI FARHANA MAT SAHIR

SINTOK - Seramai 250 pelajar antarabangsa telah mendaftar di Dewan Penginapan Pelajar (DPP) Tradewinds Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk kemasukan semester Julai Sesi 2010/2011 bagi mengikuti pengajian Doktor Falsafah (PhD) dan Sarjana.

Penolong Pendaftar Unit Pengajian Sarjana UUM College of Arts and Sciences (UUM CAS), Abdul Rahman Mohd Isa berkata, daripada jumlah itu, dua pelajar baru dari kepulauan Caribbean iaitu Saint Lucia telah mendaftar dan kesemua mereka mengikuti program seperti PhD Sarjana Sains (Teknologi

Maklumat) dan Sains Teknologi serta Komunikasi.

Menurutnya, pelajar daripada Indonesia, Thailand, Arab Saudi, Jordan, China, Libya, Yaman, Iraq, Nigeria, Brunei, Tanzania dan Bangladesh turut mendaftar dalam program itu kecuali pelajar tempatan yang mula mendaftar pada 27 Jun lalu.

"Kelebihan yang menjadi tarikan pelajar luar negara memilih UUM, adalah kerana universiti ini menyediakan tempat tinggal selama mereka menuntut di sini serta memiliki prasarana yang lengkap untuk semua pelajar.

"UUM kini pantas bergerak dalam era pendidikan global serta membuka peluang kemasukan pelajar antara-

bangsa untuk mendapat pendidikan tinggi yang cemerlang serta bertaraf antarabangsa.

Abdul Rahman berkata, membuka peluang pendidikan yang tidak tertumpu kepada rakyat tempatan malah kepada seluruh dunia adalah selaras dengan matlamat kerajaan.

Beliau berkata, dengan cara ini hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai salah satu pusat pendidikan antarabangsa setanding dengan negara lain dapat dicapai.

Beliau berkata, pebagai aktiviti telah diatur untuk pelajar baru termasuklah Talk on Cross Cultural, Briefing from Security Department dan Briefing on Insurance.



■ 250 pelajar antarabangsa mendaftar bagi mengikuti pengajian di UUM.